

GARIS PANDUAN KLINIK KESIHATAN PEKERJAAN (*OCCUPATIONAL HEALTH, OH*) DI HOSPITAL CANCELOR TUANKU MUHRIZ (HCTM)

1.0 PENGENALAN

Klinik Kesihatan Pekerja (Klinik OH) HCTM ditubuhkan untuk memastikan peruntukan undang-undang dipenuhi dan secara tidak langsung memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja secara amnya. Ia juga ditubuhkan selari dengan keperluan program akreditasi Malaysian Society for Quality in Health (MSQH).

2.0 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturannya bertujuan untuk menjamin keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja, untuk melindungi orang lain (orang awam dan pelawat yang berada di premis tersebut) daripada risiko keselamatan atau kesihatan yang berkaitan dengan aktiviti orang di tempat kerja, untuk mengadakan suasana tempat kerja selamat dan sihat yang bersesuaian dengan kehendak fizikal dan mental pekerja, dan untuk mengadakan perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dengan peraturan dan tataamalan industri yang diluluskan di bawah peruntukan Akta.

Seksyen 15 dalam Akta 514 menyatakan bahawa adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri untuk memastikan, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya. Oleh itu, penubuhan Klinik OH ini amat menepati tujuan Akta.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Memenuhi kehendak Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)
- 3.2 Memastikan kakitangan dapat bekerja dalam keadaan sihat
- 3.3 Mengurus kes-kes kecederaan tajam
- 3.4 Menjalankan aktiviti pra-pekerjaan dan pra-penempatan kepada kakitangan HCTM
- 3.5 Menjalankan program Pengawasan Perubatan (*Medical Surveillance*)
- 3.6 Mengurus kes-kes penyakit pekerjaan
- 3.7 Memberi vaksin tertentu kepada kakitangan HCTM

4.0 FUNGSI KLINIK OH (SERVIS YANG DITAWARKAN)

4.1 Pengurusan Kes-Kes Kecelakaan Tajam

Semua mangsa kecederaan tajam perlu hadir ke Klinik OH secepat mungkin agar penilaian risiko penyakit bawaan darah dapat dijalankan segera. Mangsa akan diminta untuk mengisi borang atas talian kecederaan tajam dan pergi ke Bahagian Pengambilan Darah untuk pengambilan darah dan ke Jabatan Kecemasan untuk mendapatkan suntikan Tetanus.

Mangsa juga akan dirujuk kepada Pakar Penyakit Berjangkit atau Pakar Gastroenterologi jika perlu dan mereka akan diberikan *Post-Exposure Propylaxis* (PEP) jika perlu dalam tempoh 72 jam selepas kejadian.

4.2 Pengurusan Kes-Kes Penyakit Pekerjaan

Kes-kes penyakit pekerjaan ini akan dilihat melalui rujukan dari Klinik-Klinik Pakar di HCTM atau dari Klinik Warga. Ia juga boleh dirujuk oleh jabatan kakitangan selepas cadangan dari lawatan Identifikasi Hazad, Penilaian Risiko dan Pengawalan Risiki (HIRARC) atau lawatan dari agensi lain yang berkenaan seperti Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (DOSH).

4.3 Aktiviti Pra-Pekerjaan

Ini adalah pemeriksaan kesihatan untuk kakitangan/pekerja yang akan memulakan pekerjaan, untuk menilai sama ada mereka sesuai untuk bekerja (*fit to work*)

4.4 Aktiviti Pra-Penempatan

Pemeriksaan perubatan pra-penempatan dilakukan untuk semua pekerja yang baru atau dipindahkan ke pekerjaan dengan keperluan khas untuk:

- Menyediakan penilaian status kesihatan pekerja untuk memastikan pekerja sihat dari segi fizikal dan mental untuk melaksanakan kerja dan/atau untuk memakai Alat Pelindung Diri yang disediakan
- Mewujudkan rekod asas keadaan fizikal yang kelak penting untuk menentukan sama ada masalah kesihatan telah wujud sebelum bekerja atau mungkin disebabkan oleh tempat kerja
- Mengesan kecacatan fizikal atau penyakit yang mungkin boleh dirawat di peringkat awal

4.5 Pengawasan Perubatan (*Medical Surveillance*)

Pengawasan Perubatan adalah satu program menyeluruh untuk memeriksa dan menyiasat tahap pendedahan dan kesan awal biologi, termasuk pemantauan biologi dan pemantauan kesan biologi, yang berkaitan dengan keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan. Ia termasuk program pra-pekerjaan dan pra-penempatan, pemantauan biologi dan pemantauan kesan biologi, pemantauan kesan kesihatan, pemeriksaan tempat kerja, notifikasi penyakit pekerjaan dan keracunan, membantu dalam penilaian kecacatan, *medical removal*, *return to work* dan penyimpanan rekod.

Kes pengawasan perubatan ini boleh didapati dari lawatan HIRARC, Chemical Health Risk Assessment, audit dari pihak penguatkuasa seperti DOSH, pengawasan sinaran, pekerja yang mambancuh ubat sitotoksik, penilaian bunyi bising, dan tinjauan (*survey*) ergonomik.

4.6 Penyingkiran Perubatan (*Medical Removal*)

Sebarang kes keracunan atau penyakit pekerjaan yang pasti atau disyaki mesti disingkirkan dari tempat kerja. Kakitangan ini tidak boleh kembali bekerja sehingga tanda dan gejala, keputusan sitologi dan biokimia yang tidak normal telah pulih kepada sediakala, dan kakitangan disahkan sihat untuk kembali bekerja oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan.

4.7 Rehabilitasi

Perkhidmatan rehabilitasi atau pemulihan ada disediakan oleh pihak HCTM dan dikendalikan oleh sekumpulan professional yang terdiri daripada doktor pakar, ahli terapi cara kerja, ahli fisioterapi, ahli terapi pertuturan dan sebagainya. Perkhidmatan Klinik OH berperanan dalam:

- Memastikan pekerja dirujuk untuk pemulihan dan menjalankan proses pemulihan
- Membantu mengubah suai tugas asal, contohnya perubahan dalam tugas kerja, waktu bekerja yang dihadkan dan memastikan waktu rehat yang cukup)
- Memastikan pihak pengurusan dimaklumkan tentang tempoh ketidakhadiran atau kapasiti untuk bekerja yang terhad atau kecacatan yang dimiliki pekerja, agar kakitangan lain boleh menggantikan tugas tersebut selama ketiadaan pekerja supaya perkhidmatan hospital tidak terjejas. Kakitangan klinik juga akan mengekalkan hubungan dengan pekerja untuk memudahkan peralihan dan mempersiapkan pekerja untuk kembali bekerja.

4.8 Program Kembali Bekerja (*Return to Work*)

Selepas kakitangan pulih dari penyakit atau kecederaan pekerja mungkin mengalami hilang upaya untuk melakukan aktiviti asas kehidupan seharian, pemeriksaan perubatan pekerjaan perlu dilakukan sebelum kembali bekerja. Pemeriksaan perubatan ini adalah untuk membantu pekerja itu kembali bekerja dan dapat bekerja dengan efektif selepas pulih dari penyakit atau kecederaan. Perkhidmatan ini juga boleh diberikan kepada pekerja yang mempunyai masalah kebergantungan kepada alkohol dan/atau dadah.

4.9 Pemberian Vaksin

Vaksin yang akan diberikan di Klinik OH adalah vaksin untuk:

- Influenza; kepada kakitangan hospital yang terdedah kepada jangkitan dan/atau yang berisiko, dan kepada mereka yang akan menunaikan umrah atau haji
- Meningococcal; kepada kakitangan yang akan menunaikan umrah atau haji
- Pneumococcal; kepada kakitangan yang akan menunaikan umrah atau haji
- Hepatitis B; kepada kakitangan baharu semasa aktiviti pra-pekerjaan atau pra-penempatan jika perlu, dan kepada mangsa kecederaan tajam jika perlu

5.0 PENDEKATAN OPERASI

- 5.1 Perkhidmatan klinik ini adalah melalui rujukan dari klinik-klinik lain di HCTM atau jabatan-jabatan yang berkenaan. Semua kes akan diberi temujanji kecuali kes kecederaan tajam dan pemberian vaksin di mana kakitangan boleh datang secara *walk-in*.
- 5.2 *Triage* akan diadakan oleh jururawat dan akan dirujuk kepada OHD untuk pengurusan kes lanjut.
- 5.3 Klinik OH tidak merawat kes-kes kecederaan pekerjaan, kakitangan yang mengalami kecederaan pekerjaan digalakan untuk ke Jabatan Kecemasan atau Klinik Warga untuk mendapatkan rawatan.
- 5.4 Klinik OH juga tidak menjalankan perkhidmatan pengambilan darah, sebaliknya kakitangan perlu menjalani prosedur ini di Bahagian Pengambilan Darah HCTM.
- 5.5 Doktor dan jururawat di Klinik OH akan menyemak keputusan ujian darah, ujian kencing dan pemeriksaan radiologi yang berkaitan dengan setiap kes.
- 5.6 Sijil Cuti Sakit tidak dikeluarkan di Klinik OH.
- 5.7 Pihak UKKP telah memohon kebenaran untuk mempreskripsi ubat-ubatan *over-the-counter* untuk kemudahan para pesakit yang memerlukan.
- 5.8 Penyimpanan rekod adalah berasingan dengan rekod perubatan lain, kerana keperluan Akta yang menggariskan rekod perlu disimpan selama 30 tahun dari tarikh akhir temujanji atau dari tarikh akhir berhenti atau bersara. Rekod ini akan disimpan di dalam Klinik OH di pejabat UKKP.

6.0 KAKITANGAN KLINIK OH

Buat masa ini, Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan mempunyai 3 orang Pegawai Perubatan di mana 2 telah menjadi Doktor Kesihatan Pekerjaan (*Occupational Health Doctor, OHD*), manakala seorang lagi telah mengikuti kursus dan akan menduduki peperiksaan OHD dalam masa terdekat.

UKKP juga mempunyai 2 orang Jururawat Terlatih di mana seorang telah mengikuti kursus *Occupational Health Nurse* (OHN) dan akan menduduki peperiksaan OHN dalam masa terdekat. Seorang lagi telah menjadi Orang Yang Kompeten (OYK) dalam *Occupational Safety & Health Coordinator*.

7.0 PERALATAN KLINIK OH

Mempunyai peralatan asas klinik am seperti:

- Mesin tekanan darah / nadi / bacaan oksigen dalam darah dan termometer
- Mesin penimbang dan ukur tinggi
- Otoskop & oftalmoskop
- Troli untuk pemberian suntikan
- Peralatan untuk perkhidmatan pemberian vaksin seperti peti ais untuk vaksin, jarum, *syringe* dan *gauze*

Klinik ini tidak mempunyai troli resusitasi kecemasan.

7.0 WAKTU DAN HARI OPERASI

Perkhidmatan	Hari	Waktu
Klinik OH	Selasa & Rabu	9 pagi – 12 tengahari
Pemberian Vaksin	Khamis	3 – 4 petang

8.0 PERANCANGAN DI MASA AKAN DATANG

8.1 Program Pemuliharaan Pendengaran (Hearing Conservation Programme, HCP)

Pihak UKKP sedang merancang untuk mengadakan HCP ini secara menyeluruh dengan mendaftarkan perkhidmatan Audiologi di HCTM ke Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (DOSH) sebagai Pusat Ujian Audiometri, untuk memenuhi Peraturan-Peraturan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (Pendedahan Bising) 2019. Selain itu, *Noise Risk Assessor* yang berdaftar dengan DOSH juga diperlukan untuk mengukur dan menilai bunyi bising di tempat kerja yang berisiko. Peralatan seperti *Sound Level Meter* dan *Noise Dosimeter* untuk mengukur bunyi bising untuk pemantauan bunyi kawasan dan pemantauan bunyi peribadi juga diperlukan untuk pengukuran.

Sebelum ini pihak UKKP pernah menjalankan tinjauan (*survey*) tentang pendedahan bunyi bising kepada kakitangan HCTM yang berisiko dan mungkin terdedah kepada bunyi bising di tempat kerja, untuk dijadikan data asas (*baseline*) di HCTM.

8.2 Perkhidmatan Kesihatan Mental

UKKP juga sedang merancang untuk menawarkan perkhidmatan kesihatan mental kepada kakitangan, memandangkan hazard psikososial merupakan salah satu daripada hazard kesihatan pekerjaan yang perlu diberikan perhatian. Kolaborasi bersama pihak ROSH UKM dan Jabatan Psikiatri diperlukan untuk menjalankan perkhidmatan ini.

9.0 RUJUKAN

- 9.1 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994 (Akta 514)
- 9.2 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan), 2022 (Akta A1648)
- 9.3 Guidelines on Occupational Health Services, Department of Occupational Safety and Health Ministry of Human Resources Malaysia, 2005

Disediakan oleh:

Dr. Nora 'Aini Ramly
Pegawai Perubatan
Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan